

Headline	Tengku Faziharudean dahului senarai		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	17	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	333 cm ²
Journalist	Khairul Anuar Abdul Samad	AdValue	RM 11,274
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,822



Tengku Faziharudean dahului senarai

» 644 terima anugerah sempena ulang tahun keputeraan Sultan Kelantan

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad

✚ Kota Bharu

Ketua Istiadat Pejabat Sultan Kelantan, Datuk Dr Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal, mengetuai senarai 644 penerima anugerah sempena ulang tahun keputeraan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V, Ke-44, hari ini.

Sultan Kelantan berkenan menganugerahkan gelaran kebesaran, Tengku Kaya Perkasa, kepada Dr Tengku Mohamed Faziharudean.

Seramai 34 individu menerima anugerah Datuk diketuai Penasihat Kepada Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat

Melayu Kelantan (MAIK), Datuk Nik Kamaruddin Ismail, menerima Ahli Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (SJMK).

Turut menerima darjah kebesaran sama ialah Pengurus Besar Tan Chong Motor Group, Datuk Nadzam Mohd Din.

Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jeneral Tan Sri Rodzali Daud, adalah penerima tunggal Ahli Yang Kehormat Ahli Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Kesateria Mahkota Kelantan Yang Amat Perkasa (SPKK).

Penerima Ahli Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (SPSK) ialah Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Mohamed Apandi Ali;

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Datuk Dr Zainuddin Ibrahim dan Kapten Rangkaian Airbus A380, Bahagian Operasi Penerbangan Malaysia Airlines, Kapten Datuk Zulkifly Zainal Abidin.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, dianugerahkan Ahli Yang Kehormat Ahli Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (SPSK).

Turut menerima darjah kebesaran sama ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Tan Sri Shamsul Azhar Abbas; Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Datuk Seri Syed Danial Syed Ahmad dan Hakim Besar Malaya, Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin.

EXCO Kerajaan Negeri, Hanifa Ahmad, menerima anugerah Ahli Yang Kedua (Dato' Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (DJMK) di samping Speaker Dewan Undangan Negeri, Abdullah Ya'kub; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tawang, Hassan Mohamood dan ADUN Bukit Bunga, Mohd Adhan Kechik; Tengku Rozanna Petri Tengku Mohamed Nasrun dan Akauntan, Chua Eyu Bee.

Seramai 14 menerima Ahli Yang Kedua (Dato' Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (DPSK) ialah Ketua Pengarah Periklanan, Datuk Ahamad Mahmood; Duta Besar Malaysia ke

Myanmar, Dr Ahmad Faisal Muhamad; Pengurus Besar (Operasi Domestik) Lembaga Tabung Haji, Ahmad Ruzman Ahmad Razali dan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Arifin Che Mat.

Selain itu, 14 orang dianugerahkan Ahli Yang Ketiga (Taulan) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (Al-Isma'ili III) (JMK); 10 penerima anugerah Ahli Yang Ketiga (Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Kesateria Mahkota Kelantan Yang Amat Perkasa (Al-Yahyawi III) (PKK) dan seramai 47 menerima Ahli Yang Ketiga (Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (Al-Ibrahimi III) (PSK).

Seramai 76 menerima Ahli Yang Keempat (Bentara) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (Al-Ibrahimi IV) (BSK); 61 menerima Ahli Yang Kelima (Ahli) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (Al-Ibrahim V) (ASK).

Di samping itu, seramai 30 menerima Bintang Seri Mahkota Kelantan (SMK); 46 dianugerahkan Bintang Seri Kelantan (SK); 90 orang mendapat Bintang Ahli Kelantan (AK).

Selain itu, seramai 53 dianugerahkan Pingat Bakti (PB); 83 Pingat Setia Mahkota Kelantan (PS); 48 Pingat Taat (PT) dan 39 Pingat Perangai Baik (PPB), manakala tiga orang mendapat Surat Kepujian dan sembilan Jaksa Pendamai (JP).